



## RESIDENSI LARKIN INDAH YANG DIBANGUNKAN PR1MA DI JOHOR SEDIA UNTUK DIDIAMI

**JOHOR BAHRU (21 FEB 2024):** Seramai 1,124 pembeli projek Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Residensi Larkin Indah bakal menerima kunci kediaman mereka selepas projek tersebut menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 7 Februari lalu.

PR1MA, yang merupakan agensi perumahan utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), hari ini telah mengadakan sesi taklimat bersama pembeli-pembeli kediaman tersebut yang dipanggil *Homebuyer Review Committee* (HRC) untuk memaklumkan proses mendapatkan kunci kediaman mereka. Sesi ini turut dihadiri YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Anggota Perbadanan PR1MA.

Residensi Larkin Indah, yang terdiri daripada 1,174 unit di atas tanah seluas 6.96 ekar ini telah berjaya memperoleh skor sebanyak 80% dalam Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC). Projek yang dibina oleh kontraktor lantikan PR1MA iaitu Alfa Lagenda Sdn Bhd ini juga telah berjaya memenangi anugerah *Starter Home Award — Best Primary Home Development (High-Rise)* di Star Property Awards 2023 dan *Best Mass Market High-Rise Development (Southern)* oleh 9th PropertyGuru Asia Awards Malaysia pada tahun 2023.

YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri berkata pencapaian ini adalah hasil usaha keras pelbagai pihak yang turut membantu PR1MA untuk menyediakan kediaman mampu milik yang berkualiti buat rakyat Malaysia.

“Saya amat berbangga di atas penyiapan projek ini yang telah membuktikan komitmen agensi perumahan kerajaan untuk menghasilkan rumah yang berkualiti dan mampu milik. Saya juga ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kerajaan Negeri Johor terutamanya YB Dato' Haji Mohd Jafni, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak berkepentingan lain atas kerjasama dan sokongan mereka dalam membangunkan projek ini”, kata Datuk Seri Mohd Nazri.

“Saya amat mengalukan usaha PR1MA untuk menghasilkan lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti untuk rakyat Johor. Saya percaya Agensi-agensi Kerajaan perlu terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan rakyat Malaysia boleh menikmati rumah yang selesa untuk didiami dengan kemudahan dan komuniti yang harmoni”, kata YB Dato' Haji Mohd Jafni.

Residensi Larkin Indah mempunyai beberapa jenis unit dan saiz, dengan harga bermula daripada RM288,150. Residensi ini juga mempunyai pelbagai kemudahan

seperti surau, taska, tadika, dewan serba guna, taman permainan dan gelanggang badminton untuk keselesaan para penduduk.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**

---

### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi perumahan utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

#### **Perspective Strategies**

Amiruddin Azran ([amiruddin.azran@perspective.com.my](mailto:amiruddin.azran@perspective.com.my) / +6011-11452867)

#### **PR1MA**

Khairul Faizi Dalaiil ([khairul.faizi@pr1ma.my](mailto:khairul.faizi@pr1ma.my) / +6013-7029740)